

22 MAY 2002

Mahathir-Tiba

PERDANA MENTERI TIBA UNTUK LAWATAN RASMI TIGA HARI

Oleh: Amin Husaini Harun

SEOUL, 22 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini hari ini untuk lawatan rasmi tiga hari yang akan membuka lembaran baru hubungan dua hala Malaysia-Korea Selatan terutama dalam memperkukuhkan usaha negara di bidang teknologi tinggi dan ICT.

Lawatan rasmi ini, atas undangan Presiden Korea Selatan Kim Dae-jung, merupakan peringkat kedua lawatan Dr Mahathir ke Asia Timur selepas melawat Jepun yang bermula 20 Mei.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar yakin hasil lawatan Perdana Menteri ini bukan sahaja akan memperkukuh hubungan dagang dan pelaburan dua hala bahkan dapat menjadi penggerak kepada mempertingkatkan kerjasama bidang teknologi tinggi serta teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

Semasa bercakap dengan media Malaysia yang membuat liputan lawatan Dr Mahathir itu di sini, beliau berkata Perdana Menteri juga akan menyampaikan ucapan terima kasih negara kepada Korea dalam menjayakan Dasar Pandang Ke Timur yang memasuki tahun ke-19 dengan Korea Selatan.

Katanya seramai 1,800 rakyat Malaysia telah menerima latihan di bawah dasar itu di Korea Selatan, dan berharap pada masa hadapan tumpuan akan diberikan dalam bidang teknologi tinggi dan ICT.

Syed Hamid berkata Perdana Menteri akan melawat dan mengadakan perbincangan dengan dua syarikat Kia dan Hyundai meninjau bagaimana kedua-duanya boleh membantu melatih belia Malaysia dalam bidang teknologi tinggi.

Katanya dalam lawatan ini, Dr Mahathir juga akan menyentuh hak penerbangan ke sini yang kini lima penerbangan seminggu. Malaysia akan berusaha untuk mendapatkan hak kebebasan kelima bagi membolehkan Penerbangan Malaysia mendarat di bandar lain Korea Selatan.

Perkara serantau dan global akan turut dibangkitkan oleh Perdana Menteri dalam pertemuan terhad dengan Kim dan semasa perbincangan penuh peringkat delegasi.

Antaranya cadangan untuk menginstitusikan forum Asean+3 dengan mewujudkan sekretariatnya di Kuala Lumpur; perang jenayah rentas sempadan; perang terhadap keganasan antarabangsa; dan keadaan di Semenanjung Korea untuk membantu Korea Utara mengatasi kesengsaraan yang dihadapi rakyatnya.

Dr Mahathir akan memulakan lawatan dengan mengadakan perjumpaan dan berdialog dengan pelajar dan masyarakat Malaysia di Korea untuk memberi penerangan dengan keadaan semasa di Malaysia.

Tugu Peringatan sebelum mengadakan perbincangan dengan Presiden Kim di Rumah Biru, diikuti dengan rundingan peringkat delegasi.

Pada sebelah tengah hari, Dr Mahathir akan diraikan oleh empat pertubuhan perniagaan Korea -- Korean Federation of Small and Medium Business, Federation of Korean Industries, Korea Chamber of Commerce and Industry, dan Korea International Trade Association.

Pada sebelah petang, Perdana menteri akan melawat Hyundai Motor Research and Development Centre di Gyeonggi-do.

Lawatan hari kedua berakhir dengan majlis Jamuan Negara di Rumah Biru.

Sebelum berlepas pulang ke tanah air pada hari ketiga (24 Mei), Dr Mahathir dan rombongan akan melawat LG Chemical Investment dan Satellite Technology Research Centre Initiative (SaTReCi rpt SaTReCi), kedua-duanya di Daejon.

Beliau akan berlepas pulang ke Kuala Lumpur dari Lapangan terbang antarabangsa Chongju dengan jet eksekutif pada 1 tengah hari (12 tengah

hari waktu Malaysia).

Sementara itu, rombongan 106 ahli perniagaan dalam delegasi Perdana Menteri akan menandatangani tujuh Memorandum Persefahaman dengan rakan mereka di sini.

MoU itu adalah seperti berikut:

* Antara Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (Matrade) dan Korea International Trade untuk menggalakkan kerjasama dalam promosi perdagangan;

* Antara Naza Kia Sdn Bhd dan KIA Motors Corporation untuk mengadakan satu usahasama dalam pengeluaran dan pemasangan kenderaan KIA di Malaysia bagi pasaran Malaysia dan Asia Pasifik;

* Antara LG Chem Investment Ltd, Korea dan Innobiologis Sdn Bhd Malaysia untuk proses pembangunan bersama sel mamalia bagi pengeluaran bio-farmaseutikal di Malaysia;

* Antara Hanyang University, Korea dan Innobiologics Sdn Bhd bagi projek penyelidikan dan pembangunan bersama biologik;

+ Antara Pangen Biotech, Amersham Biosciences Ltd, kedua-duanya dari Korea, dan Innobiologics Sdn Bhd bagi proses pembangunan bersama sel mamalia bagi pengeluaran bio-farmaseutikal di Malaysia;

* Antara Telekom Malaysia Berhad dan KT Corporation, Korea dalam pemindahan teknologi dan kerjasama dalam Perniagaan Internet Jalur lebar dalam bidang perkhidmatan kejuruteraan Internet jalur lebar, penyediaan peralatan internet jalur lebar, sistem operasi dan pengurusan internet jalur lebar, sistem kandungan internet jalur lebar dan sistem Integrasi dan Perkhidmatan Rangkaian; dan

* Antara Phytes Biotek Sdn Bhd dan Dae Seong Trading Co, Korea mengenai pembelian produk tongkat ali oleh Dae Seong untuk pengeluaran minuman tenaga herba daripada Phytes Biotek.

-- BERNAMA

AHH RON